

**MINIT MESYUARAT AGUNG KE-21  
PERSATUAN JURUANALISA SISTEM SEKTOR AWAM KUALA LUMPUR  
(PERJASA)**

---

Tarikh : 22 Mei 2013 (Rabu)  
Masa : 11:00 pagi  
Tempat : Ballroom 1  
Hotel Marriott Putrajaya  
IOI Resort City  
Putrajaya  
Kehadiran : 211 ahli seperti di Lampiran A

---

**1. UCAPAN ALUAN OLEH Y.BRS. PUAN PRESIDEN**

1.1. Presiden PERJASA, Y.Brs. Puan Azlina Azman mengucapkan selamat pagi dan salam sejahtera kepada ahli-ahli yang hadir pada Mesyuarat Agung kali ke-21. Beliau seterusnya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Exco Sesi 2011-2013 atas segala usaha dan sumbangan yang diberikan kepada PERJASA.

**2. MENGESAHKAN MINIT MEYUARAT AGONG YANG KE-20.**

2.1 Minit Mesyuarat Agung yang ke-21 dicadang disahkan dengan satu (1) pindaan seperti di bawah oleh Encik Mustafa Abdullah dan disokong oleh Encik Ngaini bin Yusof:

2.1.1 Perenggan 7.1.5 dipinda dengan mengeluarkan nama Encik Hashim bin Ab Rahman selaras tiada nama dicatatkan bagi senarai pencalonan Ahli Jawatankuasa.

### **3. PEMBENTANGAN LAPORAN KEGIATAN DAN AKTIVITI PERJASA 2011-2013**

- 3.1. Puan Salmiza Shahrman selaku Setiausaha telah membentangkan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan seperti dalam Laporan Kegiatan dan Aktiviti PERJASA Sesi 2011-2013.
- 3.2. YBrs. Puan Presiden merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua barisan Exco dan ahli yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merancang, melaksana dan menjayakan aktiviti-aktiviti sepanjang 2011-2013.
- 3.3. YBrs. Puan Presiden memaklumkan aktiviti terkini adalah mengemuka senarai nama Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) Gred F41 lantikan tahun 2005 ke bawah kepada pihak JPA bagi cadangan urusan kenaikan pangkat. Beliau berharap ahli-ahli PERJASA dapat terus menyalurkan maklumat nama-nama Pegawai yang berkenaan melalui Exco PERJASA untuk pertimbangan JPA.
- 3.4. Mesyuarat seterusnya sebulat suara bersetuju menerima Laporan Kegiatan dan Aktiviti PERJASA 2011-2013 seperti di **Lampiran B**.

### **4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN SESI 2009-2011**

- 4.1. Laporan Kewangan dan Penyata Kira-kira PERJASA yang diaudit bagi tempoh sehingga 31 Disember 2012 telah dibentangkan oleh Puan Bendahari, Puan Masitah binti Abd Kadir. Penyata kewangan tersebut telah dibahaskan serta soalan-soalan telah dijawab oleh Puan Bendahari dan Puan Presiden. Perbahasan dan jawapan balas tersebut adalah seperti berikut:

- 4.1.1 Encik Mustafa Abdullah bertanyakan bilangan ahli yang membayar yuran melalui potongan Biro Angkasa dan dimaklumkan anggaran 100 orang ahli melaksana pembayaran yuran melalui potongan tersebut. Dimaklumkan jua bahawa kutipan yuran keahlian dilaksana pada setiap kali aktiviti PERJASA.
- 4.1.2 Puan Myzatul Akmam Sapaat dan Encik Adi Azlan Mohd Ali memohon penjelasan berkaitan Penyata Tahunan tidak selaras dengan Nota Kewangan bagi tahun 2011 dan 2012. Puan Bendahari akan menyemak dan membuat pindaan bagi kesilapan tersebut serta akan diaudit oleh Pemeriksa Kira-kira.
- 4.1.3 Encik Mustafa Abdullah bertanya keberkesanan penglibatan PERJASA semasa Persidangan CIO dan MyGOSSCON. YBrs. Puan Presiden memaklumkan PERJASA dijemput untuk menyelaras urusan penyertaan Pempamer semasa Persidangan tersebut dan aktiviti ini telah menyumbang kepada pendapatan Persatuan di samping meningkatkan 'networking' dan 'engagement' antara ahli-ahli PERJASA dan pihak industri.
- 4.2. Mesyuarat bersetuju menerima Penyata Kewangan bagi tempoh sehingga 31 Disember 2012 dengan pindaan yang berkaitan seperti di atas.

## **5. PEMBUBARAN JAWATANKUASA PERJASA SESI 2009/2011**

- 5.1. Y.Brs. Puan Presiden merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Exco 2011-2013 atas kerjasama dan komitmen yang diberikan dan seterusnya membubarkan Jawatankuasa PERJASA bagi Sesi 2011-2013.

**6. MEMILIH SEORANG PENERUSI SEMENTARA MESYUARAT, SEORANG PENCATAT MINIT DAN DUA ORANG PENGIRA UNDI**

- 6.1. Mesyuarat bersetuju melantik Encik Mustafa Abdullah sebagai Pengerusi Sementara Mesyuarat dengan sokongan sebulat suara.
- 6.2. Puan Saadiah Abdul Rani dan Puan Nathrah Bakar dicadangkan sebagai Pencatat Minit Mesyuarat Agung dengan sokongan sebulat suara.

**7. PEMILIHAN JAWATANKUASA PERJASA 2013-2015**

- 7.1. Encik Zakaria Deraman mencadangkan supaya Exco sedia ada bagi Sesi 2011-2013 dikekalkan bagi Sesi 2013-2015. Pengundian dijalankan dengan keputusan 136 ahli bersetuju dengan cadangan manakala 6 ahli tidak bersetuju. Keputusan majoriti diterima iaitu semua Exco Sesi 2011-2013 dikekalkan bagi Sesi 2013-2015 seperti berikut:

7.1.1. Jawatan Presiden

Puan Azlina binti Azman

7.1.2. Jawatan Timbalan Presiden

Encik Nor Sukri bin Ismail

7.1.3. Jawatan Setiausaha

Puan Salmiza binti Shahrman

7.1.4. Jawatan Bendahari

Puan Masitah binti Abd Kadir

7.1.5. Jawatan Timbalan Setiausaha

Encik Khairul Azrin bin Khairudin

#### 7.1.6. Ahli Jawatankuasa

- a) Encik Razale bin Ibrahim
- b) Encik Mohd Naim bin Mohd Ibrahim
- c) Encik Hashim bin Ab. Rahman
- d) Puan Chua Swee Suan
- e) Puan Ruzila binti Jusoh
- f) Puan Rahayu binti Shafie
- g) Encik Syahmi bin Yusop
- h) Cik Hazliana binti Talha
- i) Encik Ummar bin Yusoff

#### 7.1.7. Pemeriksa Kira-Kira

- a) Puan Rozila binti Megat Othman
- b) Encik Saiful Bahari bin Mohd Sabtu

### 8. PEMBENTANGAN USUL

8.1. Usul-usul berikut yang diterima melalui emel atau melalui borang usul yang dikemukakan sebelum mesyuarat telah diulas dan dirumuskan seperti di **Lampiran C**. Usul-usul yang diterima telah dikategorikan kepada enam (6) aspek berikut:

- a) Keahlian
- b) Perkongsian Maklumat
- c) Perjumpaan dan aktiviti
- d) Jabatan ICT
- e) Kerjaya
- f) Lain-lain Cadangan

- 8.1.1 Setiap pegawai kumpulan F dan FT (meliputi semua gred jawatan) dalam sektor perkhidmatan awam adalah secara automatik menjadi ahli kepada PERJASA.
- 8.1.2 Keahlian juga perlu dikekalkan dan dibuka kepada ahli-ahli yang sudah bersara tetapi masih boleh memberi sumbangan untuk kebaikan perkhidmatan ICT Sektor Awam. Mungkin boleh diwujudkan keahlian khas (Contohnya : *Gold Card Membership*).
- 8.1.3 Melantik wakil setiap negeri/zon dalam AJK PERJASA supaya ahli-ahli peringkat negeri/zon dapat menjadikan ia satu wadah untuk mengeratkan talian persahabatan dan melaksanakan program.
- 8.1.4 Mewujudkan pangkalan data untuk senarai nama dan perjawatan terkini bagi setiap Pegawai di setiap kementerian/agensi/PBT/ Kerajaan Negeri/ IPTA. Dengan ini dapat mengetahui di mana kekosongan skim Gred F.
- 8.1.5 Mewujudkan direktori PTM yang memuatkan maklumat asas bagi perkongsian sesama PTM seperti nama agensi, jawatan, tugas utama atau projek yang terlibat di agensi, no. tel dan emel perhubungan, minat, pengalaman kerja dan sebagainya. Perlu wujudkan fungsi daftar, kemaskini dan carian bagi direktori tersebut untuk kemudahan ahli. Maklumat ini amat berguna bagi memantapkan komunikasi dan hubungan untuk mewujudkan profesionalisme dalam budaya kerja sektor ICT perkhidmatan awam.

- 8.1.6 Mencadangkan kepada pihak berkenaan mengenai Laman Web/ Portal bagi agensi diletakkan di bawah Kementerian. Sebelum ini banyak maklumat yang “redundant”.
- 8.1.7 PERJASA perlu memperkasakan saluran untuk berkongsi maklumat, kepakaran dan lain-lain antara agensi. Saya mencadangkan supaya diwujudkan focal person di setiap agensi bagi memastikan jaringan komunikasi antara ahli aktif disamping penggunaan platform sedia ada seperti Laman Web dan Facebook PERJASA. PERJASA juga boleh mempertimbangkan untuk memberi token kepada AJK yang dilantik
- 8.1.8 PERJASA perlu memperbanyakkan aktiviti/program seperti perkongsian maklumat, special interest group (.sig) dan lain-lain. Usaha untuk menarik minat semua Pegawai Teknologi Maklumat menjadi ahli juga perlu dilaksanakan. Dicadangkan supaya dipinda perlembagaan supaya semua Pegawai Teknologi Maklumat secara automatik menjadi ahli PERJASA.
- 8.1.9 Perkongsian ilmu tidak kira berkaitan Teknologi Maklumat, Hartanah, Kewangan dan sebagainya.
- 8.1.10 Memaklumkan isi kandungan memorandum yang dihantar kepada Suruhanjaya Mengkaji Transformasi Sektor Awam kepada warga kerja F.
- 8.1.11 Selaras dengan dasar NBOS, dicadangkan agar ditubuhkan satu ‘catalyst centre’ sebagai knowledge hub yang mengumpulkan projek-projek Teknologi Maklumat yang boleh dikongsi antara agensi bagi manfaat jangka panjang dan sebagai sebahagian

daripada langkah ke arah perkhidmatan berasaskan 'whole-of-government'.

- 8.1.12 Perbincangan PERJASA dibuat sekurang-kurangnya enam (6) bulan sekali bagi memaklumkan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan dan yang telah dijalankan.
- 8.1.13 Mengadakan perjumpaan antara semua PTM dengan KSN dan KPPA bagi membincangkan isu-isu berkaitan skim F.
- 8.1.14 Kolaborasi dengan SKMM bagi sebarang aktiviti pembangunan Teknologi Maklumat.
- 8.1.15 Menyediakan lebih banyak aktiviti berunsurkan percambahan minda, perkongsian pengalaman atau self-improvement bagi mengeratkan lagi hubungan baik antara PTM dari pelbagai agensi.
- 8.1.16 PERJASA perlu memainkan peranan aktif dalam memperjuangkan penubuhan Jabatan ICT yang mana salah satu objektif penting ialah menjaga kebajikan Perkhidmatan Teknologi Maklumat. Pegawai Teknologi Maklumat Sektor Awam kurang mendapat maklumat berhubung Jabatan ICT ini.
- 8.1.17 Mendedahkan isi kertas cadangan penubuhan Jabatan IT kepada warga F.
- 8.1.18 Mengumumkan status cadangan dan proses yang telah berjalan dalam penubuhan Jabatan IT dan sejauh mana penglibatan PERJASA di dalam projek ini.



- 8.1.19 Usaha untuk mewujudkan jabatan ict negara terus digiat dan disuarakan ke peringkat atasan dan semua ahli perlu dimaklumkan status semasa.
- 8.1.20 PERJASA perlu memastikan isu-isu kebajikan yang diutarakan oleh ahli dipanjangkan secara berterusan kepada kerajaan melalui platform yang disediakan JPA.
- 8.1.21 Penempatan pegawai mengikut latar belakang pengajian universiti pada peringkat permulaan bagi mengelak kemahiran individu tidak dapat digunakan sepenuhnya di peringkat kementerian/ jabatan/ agensi.
- 8.1.22 Nama PERJASA sudah tidak relevan dengan perkembangan terkini, samada dari segi keahlian, peranan serta tanggungjawab.
- 8.1.23 Menubuhkan Biro Kebajikan bagi memelihara kebajikan ahli secara holistik fokus berkenaan khairat, bantuan disebabkan kemalangan, mengurus hal ehwal pertukaran, keraian pegawai yg akan pencen dan lain-lain.
- 8.1.24 Menubuhkan Biro Transformasi PTM bagi mengkaji/merangka/ dan mencadangkan pelan transformasi Skim Teknologi Maklumat berdasarkan maklumbalas menyeluruh daripada PTM di peringkat agensi Persekutuan, Negeri & Badan Berkanun. Selain daripada itu, biro ini berperanan memberikan makluman berkenaan hala tuju PTM, pembangunan sahsiah dan kerjaya (kerjasama Bahagian Kompetensi JPA & INTAN) serta memaklumkan perkembangan 'tuntutan' Skim F kepada JPA dari semasa ke semasa.

- 8.1.25 Menubuhkan Biro Ekonomi bagi menjana kewangan dan ekonomi Persatuan di bawah seliaan Bendahari. eg: dicadangkan penubuhan Koperasi Perjasa dengan perkongsian daripada Persatuan dan Ahli yg berdaftar. Penubuhan dicadangkan dibuat secara *independent* atau di bawah seliaan Bendahari bergantung kepada skop yang bakal dibincangkan.
- 8.1.26 Mengaplikasikan program permentoran (seperti yang dilaksanakan JPA) secara khusus menerusi penglibatan PTM Cemerlang atau Senior PTM sebagai mentor bagi membentuk pelapis modal insan yang cemerlang serta meningkatkan ukhuwah antara PTM di pelbagai agensi dan gred.
- 8.1.27 Cadangan agar pilihanraya akan datang dijalankan dalam bentuk pemilihan Presiden dan Perwakilan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun bagi memastikan suara mereka sampai ke pucuk pimpinan pusat. Presiden bakal dilantik bertanggungjawab membentuk kabinet daripada perwakilan yang telah dipilih majoriti.
- 8.1.28 Cadangan agar pilihanraya akan datang dijalankan dalam bentuk pemilihan Presiden dan Perwakilan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun bagi memastikan suara mereka sampai ke pucuk pimpinan pusat. Presiden bakal dilantik bertanggungjawab membentuk kabinet daripada perwakilan yang telah dipilih majoriti.
- 8.2. Mesyuarat sebulat suara bersetuju agar usul yang dikemukakan dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat Exco PERJASA.

## 9. UCAPAN PENANGGUHAN MESYUARAT

9.1. Y.Brs. Puan Presiden mengucapkan ribuan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada barisan Exco PERJASA Sesi 2011-2013. Beliau seterusnya mengharapkan sokongan dan kerjasama semua ahli kepada barisan Exco baru supaya dapat melaksanakan amanah yang diberikan dengan lebih berkesan.

9.2. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1:30 petang.

### **Pencatat Minit**

**Puan Saadiah Abdul Rani dan**

**Puan Nathrah Bakar**


Tarikh : 6 Jun 2013



**Pengesahan oleh Presiden**

**Azlina binti Azman**

Tarikh : 14 Jun 2013



**Semakan oleh Setiausaha**

**Salmiza binti Shahrman**

Tarikh : 13 Jun 2013